

# Ahli Umno buktikan kematangan

Oleh Fazi Abdullah, Rosli Abd Jalil, Jalal Ali Abdul Rahim, Magendran Rajagopal, Amirullah Andi Nur, Mohd Anwar Patho Rohman, Shahrin Osman dan Tuan Nazuri Tuan Ismail

**K**UALA LUMPUR Pemimpin Umno pelbagai peringkat menyifatkan, kegagalan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dipilih sebagai perwakilan Umno Bahagian Kubang Pasu keperhimpunan agung parti November ini, membuktikan kematangan ahli memastikan parti terus mantap di bawah kepemimpinan Datuk Seri. Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak berkata keputusan ahli Umno Kubang Pasu sudah cukup jelas dan tidak perlu ulasan lanjut.

"Hanya ahli Umno Kubang Pasu dapat menjelaskan pendirian mereka. Anda perlu tanya mereka. Mungkin kita di sini mempunyai pandangan yang berbeza daripada mereka di sana," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Bandar Tun Razak di sini, semalam.

Ditanya sama ada beliau terkejut dengan keputusan itu, Najib berkata, beliau tidak mahu menyuarakan sebarang pendapat kerana itu adalah keputusan ahli Umno Kubang Pasu

dari hanya mereka yang boleh memberi jawapannya.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, pula berkata Dr Mahathir perlu menghormati keputusan itu.

"Dan awal lagi Dr Mahathir, tidak sesuai bertanding, katanya selepas 'menutup Tilawah al Quran Nasyid dan Pertandingan Aspek Wanita Gerakan Belia 4B Pulau Pinang di Bukit Panchor, dekat Nibong Tebal.

Dr Mahathir gagal dalam cubaannya untuk menjadi perwakilan apabila hanya memperoleh 227 undi untuk menduduki tempat kesembilan. Bagaimanapun, anaknya, Datuk Mukhriz dipilih selepas menduduki tempat kelima dengan 289 undi.

Ketua Pemuda Umno, Datuk Seri Hishamuddin "Hussein, berkata kekalahan Dr Mahathir membawa dua mesej jelas iaitu kepentingan parti sentiasa melebihi individu serta menunjukkan perwakilan semakin matang.

"Tidak kiralah, sama ada kita sudah berkorban beberapa puluh tahun atau, pendirian ketika kita meminta sokongan," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian Kinabatangan di Dewan Masyarakat Sandakan.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kedah, Datuk Seri Mahdzif Khalid, berkata keputusan itu mo-

nlmukkan ahli Umno tidak sanggup melihat struktur Umno terjejas.

"Pada saya ia sebenarnya bukan menampakkan Umno ini tidak ke; nang jasa atau menolak bekas pemimpin tetapi Umno ada struktur ahli Umno biasanya ikut struktur, jadi bila ada yang beralih dari struktur, maka selalunya sukar untuk mereka terima," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian Pandan di Kuala Lumpur.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, mahu semua pihak termasuk Dr Mahathir menerima hakikat pendirian bahagian Kubang Pasu.

Pengerusi Badan Perhubungan

Umno Pahang, Datuk Seri Adnan Yakob, berkata keputusan itu memberi isyarat cukup jelas zaman bekas Perdana Menteri sudah berlalu.

"Lupakanlah episod lama dan kritikan Tun terhadap Pak Lah. Marilah kita tumpukan usaha dan sokongan kepada Pak Lah supaya beliau dapat menjayakan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan memajukan negara," katanya selepas merasmikan persidangan Perwakilan Umno Bahagian Permatang Pauh.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said, berkata kekalahan Dr Mahathir itu tidak harus dilihat sesuatu yang memalukan.

"Sebaliknya, keputusan perwakilan adalah bagi memastikan Dr Mahathir tidak diperlekehkan kerana beliau adalah bekas Perdana Menteri dan juga Presiden parti," katanya berucap merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Kuantan.

Ketua Umno bahagian Johor Bahru, Datuk Shahrir Abdul Samad, berkata kegagalan itu tanda berakhirnya era kepemimpinan Dr Mahathir. "Kekalahan Dr Mahathir adalah petanda berakhirnya era kepemimpinan beliau tetapi kesinambungan kepimpinan akan diteruskan anaknya, Mukhriz," katanya berucap pada Mesyuarat Perwakilan Umno bahagiannya.

## FAKTA NOMBOR

Undian perwakilan Umno Bahagian Kubang Pasu

**227**

Undi diperoleh Dr Mahathir dan menduduki tempat kesembilan

**289**

Undi diperoleh Mukhriz dan menduduki tempat kelima